



MANUAL KHUTBAH JUMAAT




TAJUK ; MENEPATI JANJI, MEMBINA KEPERCAYAAN



ISLAMIC SAVOIR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“KELEBIHAN SYA'BAN; PERSIAPAN MENUJU RAMADHAN”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ. كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ.¹	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.	5
Pada hari yang mulia ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “MENEPATI JANJI, MEMBINA KEPERCAYAAN”.	6

¹ Al- Saf : 2-3.



Antara nikmat yang paling bernilai dalam kehidupan bermasyarakat ialah mendapat kepercayaan orang lain. Namun, kepercayaan tidak lahir hanya dengan kata-kata, sebaliknya dibina melalui amanah yang dipelihara dan janji yang ditepati. Oleh sebab itu, Islam meletakkan sifat amanah dan menunaikan janji sebagai akhlak yang sangat mulia serta menjadi asas kepada kesejahteraan masyarakat.	7
Firman Allah SWT dalam Surah al-Saf ayat 2 hingga 3, yang dibacakan pada permulaan khutbah, mengandungi teguran yang sangat tegas terhadap mereka yang mengatakan sesuatu perkara namun tidak melaksanakannya. Seorang Mukmin yang sebenar sentiasa berusaha mengotakan apa yang diperkatakannya dan membuktikan kata-katanya melalui tindakan, kerana itulah antara tanda kejujuran iman dan kemuliaan akhlak.	8
Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 177 yang bermaksud: <i>“Dan orang yang menepati janjinya apabila dia berjanji dan orang yang bersabar dalam kesempitan, penderitaan dan dalam peperangan. (Orang yang demikian sifatnya) mereka itulah orang yang benar (imannya dan melakukan kebaikan) dan mereka itulah orang yang bertakwa.”</i>	9
Menunaikan amanah dan memelihara janji merupakan sifat utama orang beriman sekaligus menjadi sebab mendapat kepercayaan daripada orang lain. Allah SWT menyifatkan mereka sebagai golongan yang sentiasa menjaga amanah serta menunaikan setiap perjanjian yang dibuat. Hal ini ditegaskan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Mukminun ayat 8: وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رُءُوفُونَ. <i>“Dan orang yang menunaikan amanah dan janji mereka.”</i>	10



Imam al-Tabari dalam tafsirannya terhadap ayat ini menyatakan bahawa mereka memelihara segala amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka serta menunaikan setiap perjanjian yang telah dimeterai dengan manusia. Mereka tidak mensia-siakan amanah tersebut, bahkan melaksanakan semuanya dengan penuh tanggungjawab dan sebaik-baiknya.	11
Begitu juga firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 34: وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا. <i>“Dan penuhilah janji (dengan Allah dan dengan manusia), sesungguhnya janji itu pasti diminta pertanggungjawabannya.”</i>	12
Dr. Wahbah al-Zuhaili ketika menafsirkan ayat ini menjelaskan bahawa perjanjian merupakan suatu kemuliaan dan suatu ikatan. Oleh itu, menunaikan janji merupakan tuntutan syarak yang wajib dipelihara oleh setiap Muslim. Manakala sikap mengabaikan atau memungkirinya termasuk dalam perbuatan maksiat yang mendatangkan dosa.	13
Lihatlah bagaimana banyak kerosakan dalam masyarakat berpunca daripada janji yang tidak ditepati. Anak-anak boleh hilang kepercayaan terhadap ibu bapa, hubungan suami isteri dan sesama manusia boleh menjadi retak, malah dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara, rakyat akan hilang keyakinan terhadap pemimpin yang banyak berjanji tetapi hanya untuk meraih sokongan dan undi semata-mata. Oleh sebab itu, Islam sangat menitikberatkan soal menepati janji kerana ia merupakan asas kepada pembinaan kepercayaan dan keharmonian masyarakat.	14



lagi, janji yang diucapkan itu bukan sekadar perkataan yang keluar daripada mulut seseorang, bahkan ia merupakan suatu tanggungjawab yang akan dipersoalkan di hadapan Allah SWT kelak.

15

Ingatlah! Antara tanda kemunafikan ialah apabila seseorang berjanji lalu memungkirinya. Hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin ‘Amr *Radiallahuanhuma* bahawa Rasulullah SAW bersabda :

أَرْبَعٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ كَانَ مُنَافِقًا خَالِصًا، وَمَنْ كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنْهُنَّ
كَانَتْ فِيهِ خَصْلَةٌ مِنَ النِّفَاقِ حَتَّى يَدْعَهَا: إِذَا أُؤْتِمِنَ خَانَ، وَإِذَا
حَدَّثَ كَذَبَ، وَإِذَا عَاهَدَ غَدَرَ، وَإِذَا خَاصَمَ فَجَرَ.

16

“Empat perkara, sesiapa yang ada padanya empat perkara tersebut maka dia adalah seorang munafik yang sebenar. Jika ada padanya salah satu daripada sifat tersebut, maka pada dirinya terdapat sifat kemunafikan sehingga dia meninggalkannya, iaitu: apabila diberi amanah dia khianati, apabila berbicara dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir dan apabila bertengkar dia melampaui batas.”

17

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).



Ketika mensyarahkan hadis ini, Imam al-Nawawi menyatakan bahawa, empat perkara ini adalah ciri orang munafik dan sesiapa yang melakukannya diumpamakan seperti orang munafik. Walaupun seorang muslim melakukan salah satu daripada empat perkara tersebut tidak dikira sebagai orang munafik yang sebenar iaitu orang kafir yang berpura-pura Islam, namun ciri tersebut tidak wajar dijadikan pakaian orang beriman.	18
Sebenarnya, banyak kebaikan dan kesan positif akan dapat dicapai apabila amanah dan janji ditunaikan. Akhlak pemimpin yang sentiasa menunaikan janji akan menimbulkan rasa hormat dan meningkatkan kepercayaan dalam kalangan rakyat. Sikap menunaikan janji dalam keluarga akan mengukuhkan ikatan kasih sayang dan keakraban. Budaya menunaikan janji dalam perniagaan akan memajukan ekosistem ekonomi negara. Etika menunaikan janji sebagai penjawat awam pula akan menyumbang kepada lahirnya sistem penyampaian perkhidmatan yang efektif, cekap dan efisien.	19
Ketahuiilah bahawa kepercayaan boleh musnah hanya dengan satu pengkhianatan atau satu janji yang dimungkiri, namun untuk mengembalikannya semula mungkin memerlukan masa yang panjang, bahkan ada kalanya tidak dapat dikembalikan lagi. Justeru itu, peliharalah setiap amanah dan tunaikanlah setiap janji yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita.	20
Imam al-Ghazali menyatakan, maka berhati-hatilah kamu daripada berjanji sesuatu lalu tidak menunaikannya. Sepatutnya kamu berbuat baik kepada manusia melalui tindakan tanpa banyak berkata-kata. Jika kamu terpaksa membuat janji, maka jangan sesekali memungkirinya.	21



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa pengajaran yang boleh dijadikan pedoman dalam kehidupan:

1. Umat Islam hendaklah menunaikan amanah dan menepati janji kerana kedua-duanya merupakan antara sifat utama orang beriman, yang disukai oleh Allah SWT dan semua manusia.
2. Umat Islam hendaklah membuktikan kata-kata melalui tindakan, bukan hanya sekadar mudah berjanji tanpa kesungguhan untuk menunaikannya, kerana perbuatan memungkir janji termasuk dalam sifat yang dicela oleh Allah SWT dan Rasul-Nya.
3. Umat Islam hendaklah sentiasa bermuhasabah terhadap amanah, janji dan hak-hak manusia yang berada di bawah tanggungjawab mereka, kerana semua itu akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah SWT.

22

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ رِجَالٌ صَدَقُوا مَا عَاهَدُوا اللَّهَ عَلَيْهِ فَمِنْهُمْ مَّن قَضَىٰ
نَحْبَهُ وَمِنْهُمْ مَّن يَنْتَظِرُ وَمَا بَدَّلُوا تَبْدِيلًا.

“Antara orang yang beriman itu ada orang yang menunaikan apa-apa yang telah dijanjikan mereka kepada Allah (untuk berjuang membela Islam). Maka ada juga antara mereka yang telah selesai melaksanakan janji mereka (lalu gugur syahid) dan ada antaranya yang menunggu giliran dan mereka tidak mengubah (apa-apa yang telah dijanjikan oleh mereka itu) sedikit pun.”

(Surah al-Ahzab: 23).



30	بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
31	أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ هُدًى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. ²
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.
7	اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الشَّرْكَ وَالْمُشْرِكِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَ الدِّينِ، وَاجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ آمِنًا مُظْمِنًا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

² Al-Ahzab: 56.



اللَّهُمَّ وَفِّقْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوَلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ لِمَا فِيهِ صَلَاحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.	8
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،	9
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،	10
وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.	11
اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُؤْتَظِّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	12
Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuamhum</i> , seperti yang telah dirumuskan oleh Imam Abu Hasan al-Asya'ri dan Imam Abu Mansur al-Maturidi, beramal dengan Mazhab Al-Syafi'e dan menerima tiga mazhab yang lain, serta bertasawwuf dengan jalan Imam Junaid al-Baghdadi dan Imam al-Ghazali..	13



Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan dan sifat ekstrim, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	14
Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.	15
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.³	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁴	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19